



# DASAR ANTI RASUAH PDTMT

PDTMT komited dalam melaksanakan semua dasar dan prosedur bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk rasuah kepada semua anggota kerja, aktiviti PDTMT dan perhubungannya dengan pihak-pihak yang berkepentingan ke arah penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berintegriti selaras dengan visi dan misi PDTMT serta aspirasi negeri seperti berikut :

- Melarang anggota pekerja meminta, menerima, dan memberi sebarang bentuk rasuah;
- Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang lain berkaitan, peraturan, polisi, dan prosedur yang berkuatkuasa;
- Membuat semakan semula Dasar dan Penilaian Risiko sekurang-kurangnya sekali dalam setahun sekiranya terdapat perubahan dalam pengurusan, perundangan, dan aktiviti-aktiviti jabatan bagi memastikan objektif anti rasuah tercapai;
- Memastikan Pihak Pengurusan dan Anggota Pekerja melaksanakan kawalan serta penambahbaikan secara berterusan menerusi ABMS PDTMT mengikut standard MS ISO 37001:2016;
- Memberi ruang kepada anggota pekerja PDTMT dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah dalam PDTMT melalui Polisi Pengurusan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) serta memastikan maklumat berhubung perlakuan rasuah dan identiti pemberi maklumat dilindungi;
- Mewujudkan Fungsi Pematuhan iaitu Unit Integriti yang mempunyai kuasa dan bebas untuk memantau pematuhan kepada Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan melaporkan kepada Badan Tadbir Urus dan Pihak Pengurusan Atasan; dan
- Mengambil tindakan sewajarnya kepada anggota pekerja yang tidak mematuhi Dasar ABMS PDTMT mengikut peraturan, polisi, garis panduan PDTMT atau undang-undang yang berkuatkuasa.

DATUK SAIFUL HAZWA BIN KIPLI  
(PEGAWAI DAERAH MELAKA TENGAH)

10 JULAI 2023